

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PERTANIAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Pertanian Gred G9, G10, G12, G13, G14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab merancang, melaksana dan menilai program Jabatan Pertanian serta menyediakan khidmat perundingan Teknikal Pertanian dan Perniagaan Tani serta penguatkuasaan Akta Tumbuhan 1976 dan 1981 untuk pelabur dari dalam dan luar negara. Menyediakan pakej Teknologi Pengeluaran Kejenteraan Ladang, maklumat-maklumat pelbagai jenis tanah bagi projek- projek pertanian supaya menepati objektif yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara. Bertindak sebagai urusetia kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) bagi melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Merancang, menyelaras, melaksana dan menilai pembangunan kerjaya pegawai-pegawai profesional dan sokongan jabatan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Pertanian Gred G9

4.1.1 Bidang Pengembangan, Perundingan, Pelaburan dan IndustriAsas Tani

- a. Melaksanakan Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- b. Menyelia dan memantau pelaksanaan Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- c. Menyedia dan melaksanakan kerja-kerja penyuntinganbahan- bahan penerbitan media pengembangan untuk Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.

- d. Melaksanakan dan mengawasi kerja-kerja pengumpulan maklumat Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- e. Urusetia pelaksanaan program latihan dalam bidang keusahawanan dan teknikal pertanian.
- f. Merancang dan memantau pelaksanaan promosi dan pemasaran hasil-hasil pertanian dan hasilan daripada pemprosesan bahan-bahan pertanian.

4.1.2 Bidang Hortikultur

- a. Mengumpul dan menyusun cadangan program dan pelan pelaksanaan laporan petak teknologi dan ladang komersil buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang.
- b. Membantu dalam penilaian dan penyediaan laporan berhubung projek swasta buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).
- c. Membantu menyelaras pelaksanaan dan pengesahan sistem pemasaran secara jualan terus bagi semua projek kelompok Jabatan Pertanian dan di lokasi Kuala Lumpur.
- d. Menyediakan senarai perancangan projek pembangunan industri buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang terutamanya projek dusun komersil buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang bagi setiap negeri.
- e. Memantau dan menyedia laporan kemajuan pelaksanaan projek perladangan organik bagi negeri-negeri.
- f. Membantu merancang, mengawas dan menyelaras pelaksanaan program pengeluaran, pengesahan dan pengagihan benih buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang di semua Pusat Pembangunan Komoditi Negeri.

4.1.3 Bidang Padi, Tanaman Industri dan Florikultur

- a. Menjalankan verifikasi teknologi melalui petak pemerhatian bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur di stesen.
- b. Menjalankan promosi teknologi yang telah ditentukan bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti

kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur di stesen.

- c. Menjalankan pemeriksaan premis dan peralatan loji serta aktiviti inspektorat ladang bagi tujuan Skim Pengesahan Benih Padi.
- d. Menjalankan penyiasatan premis dan menyediakan laporan bagi tujuan meluluskan permohonan kuota import tanaman kelapa.
- e. Menyediakan buletin teknikal tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur bagi tujuan penerbitan dan rujukan kepada golongan sasaran.
- f. Menjalankan pengumpulan data industri tanaman padi, tanaman industri dan florikultur.
- g. Menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti petak promosi dan pemerhatian teknologi padi, tanaman industri dan florikultur.
- h. Penyediaan pelan landskap bagi tujuan pameran dan aktiviti Jabatan.
- i. Memberi khidmat nasihat teknikal kepada golongan sasaran dalam bidang tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.

4.1.4 Bidang Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah

- a. Merancang dan melaksanakan aktiviti siasatan tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah, makmal analisis dan penilaian sumber tanah.
- b. Menyedia dan menyemak laporan berkaitan aktiviti siasatan tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah, makmal analisis dan penilaian sumber tanah.
- c. Menyedia dan / atau menyemak peta tanah, peta guna tanah dan peta terbitan lain yang berkaitan dengan tanah.
- d. Menginterpretasi data analisis makmal untuk pengesyoran pembajaan dan pengurusan nutrien tanaman.
- e. Memberi latihan teknikal pengurusan dan pemuliharaan sumber tanah kepada pegawai pengembangan di jabatan dan agensi lain.

- f. Memberi khidmat perundingan nasihat kesesuaian tanah-tanaman, pengurusan kesuburan dan pemuliharaan tanah, penilaian data tanah serta guna tanah geospasial.
- g. Menjalankan pemeriksaan dan pelaporan tapak di ladang bagi pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM).
- h. Menyelia aktiviti pemprosesan dan interpretasi imej satelit (raw image) seperti 'georeferencing', 'subsetting', 'enhancement' dan 'mosaicking' imej.
- i. Mengumpul maklumat berkaitan sumber tanah dan guna tanah.
- j. Mengumpul dan mengemaskini norma DRIS tanaman di semua negeri.

4.1.4 Bidang Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan

- a. Memberi bimbingan kepada pegawai-pegawai pengembangan dan petani dalam mengenal pasti perosak tanaman dan pengurusan kawalan yang perlu diambil.
- b. Memproses dan menganalisa data-data perolehan dari bancian perosak tanaman untuk diguna pakai dalam pengurusan perosak yang dijalankan setiap dua (2) minggu sekali.
- c. Mengenal pasti perosak-perosak yang dikumpul dan yang disaring dari bahan tanaman yang diimport dan dari ladang untuk disediakan sebagai simpanan, pameran dan bahan rujukan serta mengumpul maklumat mengenai perosak dan penyakit tersebut untuk kegunaan Pusat Koleksi dan *Repository* dan pegawai pengembangan.
- d. Menyedia maklumat-maklumat serta metodogi mengenai rawatan kuarantin ke atas bahan-bahan untuk di eksport dan bahan import yang perlu di rawat mengikut standard antarabangsa dan keperluan negara.
- e. Menyelia dan mengawasi aktiviti penguatkuasaan Akta Kuarantin di pintu masuk seperti aktiviti pemeriksaan bagasi, penumpang dan konsainan pertanian berjalan dengan lancar dan mengikut prosedur termasuk cara-cara menangani pelanggaran akta.

4.1.5 Bidang Kawalan Racun Perosak

- a. Merancang pelaksanaan penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak 1974, termasuk pendaftaran racun perosak, pengiklanan dan pemeriksaan premis yang menjual dan menyimpan racun perosak.

4.1.6 Bidang Kejuruteraan Pertanian

- a. Menyelaras pembelian kenderaan dan jentera pertanian di negeri meliputi kerja-kerja penyediaan spesifikasi perolehan atau pembelian, pengagihan, penggunaan, penyelenggaraan, pembaikan dan pelupusannya.
- b. Mengendali aktiviti pengubahsuaian, fabrikasi, pengujian, demonstrasi dan pameran mesin/ jentera/ alat pertanian yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan pertanian.
- c. Menyedia pelan reka bentuk mesin/ jentera/ alat pertanian yang berkaitan dengan bidang tugas.
- d. Memberi khidmat perundingan dan nasihat teknikal dalam bidang kejuruteraan tuai hasil pertanian/ pasca tuai/ pemprosesan/ reka bentuk/ fabrikasi.
- e. Menyelaras kerja pungutan data dan ICT (iaitu Agri Geo Portal, SPP 11 dan penyelarasan projek *network* Kompleks Pertanian Serdang).
- f. Menjalankan kerja pemantauan melalui pengumpulan laporan unit dan pusat.

4.1.7 Bidang Kawalan Kualiti Tanaman

- a. Memantau kemajuan permohonan baru dan mengemaskini/ penyediaan laporan untuk pensijilan SALM dan SOM.
- b. Menyediakan laporan semakan peraturan dan garis panduan Akta PVBT dan membentangkan di Mesyuarat Lembaga *Variety* Tumbuhan.
- c. Menjalankan penyiasatan pelanggaran hak milik perlindungan *variety* baru tumbuhan dan menyediakan laporan penyiasatan.
- d. Memverifikasi sama ada *variety* calon adalah baru atau hak umum melalui sistem pangkalan data yang dibangunkan.
- e. Membantu menyelaras pelaksanaan dan latihan Skim Pengesahan Benih Tanaman.

- f. Menjalankan ujian DUS (Distinctness Uniformity and Stability) pada pelbagai tanaman yang dipohon perlindungan.
- g. Melaksanakan pemeriksaan kualiti benih tanaman di bawah Skim Pengesahan Benih Tanaman.

4.1.8 Bidang Perancangan Projek, Pengurusan Maklumat dan Komunikasi

- a. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan makro bagi pembangunan subsektor tanaman serta ulasan mengenai aplikasi dasar-dasar kerajaan terhadap pembangunan sektor pertanian.
- b. Menyediakan dan menyemak dokumen, kertas, garis panduan, nota penerangan dan maklumbalas mengenai dasar, strategi, pendekatan dan program / projek Jabatan Pertanian.
- c. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan projek tahunan pembangunan pertanian peringkat persekutuan.
- d. Menyediakan dan menyemak input jawapan dan maklumat tambahan bagi pertanyaan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- e. Menyediakan dan menyemak dokumen pelaksanaan Penilaian *Star Rating* Jabatan Pertanian.
- f. Menyediakan dan menyemak maklumat pembangunan tanah untuk Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dibawah Jabatan Pertanian dan tanah negeri.
- g. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan pembangunan tanah terbiar.
- h. Menyediakan dan menyemak maklumat penglibatan Jabatan Pertanian di dalam aktiviti antarabangsa.
- i. Menyediakan dan menyemak maklumat dan prestasi laporan pelaksanaan program / projek terlibat.
- j. Menyediakan dan menyemak maklumat pemantauan program / projek Jabatan.
- k. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan dan pelaksanaan kajian-kajian penilaian keberkesanan program / projek Jabatan serta mengesyorkan tindakan penambahbaikan program / projek tersebut.
- l. Menyediakan dan menyemak maklumat pelaksanaan infrastruktur teknologi maklumat serta menyelia perolehan dan penyelenggaraan peralatan komputer Jabatan Pertanian.

- m. Menyediakan dan menyemak maklumat Laman Web dan Laman Agribazaar Jabatan Pertanian.
- n. Menyediakan dan menyemak maklumat pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi sistem maklumat dan pangkalan data Jabatan Pertanian.
- o. Menyediakan dan menyemak maklumat pengumpulan data / maklumat subsektor tanaman makanan.
- p. Menyediakan dan menyemak maklumat pelaksanaan program-program perhubungan awam dan publisiti secara sistematik.

4.1.9 Bidang Pembangunan Sumber Manusia

- a. Melaksana latihan/ seminar yang dijalankan secara kerjasama dengan Organisasi Antarabangsa.
- b. Melaksana program latihan pegawai di dalam/ luar negara.
- c. Melaksana dan memproses permohonan melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, ijazah, ijazah lanjutan dan PhD sepenuh masa dan separuh masa.
- d. Melaksana menambah baik dan menyemak skim perkhidmatan pertanian (klasifikasi G)
- e. Melaksana Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreativiti(KIK).
- f. Melaksana program latihan sangkutan pegawai di syarikat swasta dalam dan luar negara.
- g. Melaksana pelaksanaan program AKRAB Jabatan.
- h. Melaksana pemantauan dan penilaian Pelan Strategik Sumber Manusia.
- i. Menyelaraskan latihan induksi, kursus penilaian tahap kecekapan (PTK) dan persidangan/seminar bagi kakitangan Jabatan Pertanian.
- j. Mengurus aktiviti pengambilan, penempatan dan pembayaran biasiswa pelajar Institut Pertanian dan pelatih Inkubator Usahawan Belia Tani.
- k. Melaksana peperiksaan Latihan Sijil Pertanian.
- l. Mengurus perolehan aset alih dan aset hidup kerajaan.

- m. Menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar di Pusat Latihan Pegawai/ Institut Pertanian.
- i. Mengendali latihan induksi, kursus Penilaian Tahap Kecekapan dan persidangan/ seminar.
- n. Mengendali aktiviti pengambilan, penempatan dan pembayaran biasiswa.

4.2 Pegawai Pertanian Gred G10

4.2.1 Bidang Pengembangan, Perundingan, Pelaburan dan IndustriAsas Tani

- a. Menyediakan laporan prestasi fizikal dan kewangan serta impak pelaksanaan Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- b. Menyelia kerja-kerja penerbitan media pengembangan untuk Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- c. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program latihan dalam bidang keusahawanan dan teknikal pertanian.
- d. Melaksanakan kajian keberkesanan ProgramPengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani.
- e. Menjadi pakar rujuk dan memberi khidmat kepakaran teknikal (*Subject Mater Specialist*) dalam Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- f. Melaksanakan program pembangunan produk dan kawalan mutu produk dalam pemprosesan hasil-hasil pertanian.

4.2.2 Bidang Hortikultur

- a. Menyedia dan mengemaskini pakej teknologi, manual buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang dan memberi khidmat kerajaan dalam bidang agronomi dan pengendalian lepas tuai bagi tanaman buah-buahan, sayuran dan tanamanladang.
- b. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di negeri dan projek- projek dusun komersil, pemulihan dusun, sayur dan tanaman ladang komersil di negeri.

- c. Membantu pelaksanaan program pengeluaran, pengesahan dan pengedaran benih tanaman buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang daripada *kultivar* terpilih di stesen Pembangunan Komoditi.
- d. Membantu menyelaras program pengesyoran *kultivar* baru yang *superior* bagi tujuan penanaman melalui program pengesyoran *kultivar*.
- e. Menyelaras dan melaksana program pembangunan pusat kecemerlangan teknologi pertanian di pusat pertanian negeri.

4.2.3 Bidang Padi, Tanaman Industri dan Florikultur

- a. Menjalankan verifikasi teknologi melalui petak pemerhatian bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur di stesen.
- b. Menjalankan promosi teknologi yang telah ditentusahkan bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.
- c. Menyemak dan mengesahkan data serta maklumat petak promosi dan pemerhatian teknologi padi, tanaman industri dan florikultur.
- d. Menjalankan pemeriksaan premis dan peralatan loji serta aktiviti inspektorat ladang bagi tujuan Skim Pengesahan Benih Padi.
- e. Menyediakan pakej teknologi bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.
- f. Membuat pemantauan pelaksanaan projek pembangunan industri dan memberi khidmat kepakaran diagnostik teknikal dalam bidang tanaman padi, tanaman industri dan florikultur.
- g. Menjalankan pengumpulan data dan maklumat bagi keperluan pelaksanaan kajian DUS (*Distinctness, Uniformity and Stability*) di bawah tanaman padi, tanaman industri dan florikultur.

4.2.4 Bidang Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah

- a. Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti siasat tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah dan penilaian sumber tanah.
- b. Menyedia dan/ atau menyemak laporan berkaitan aktiviti siasatan tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah, makmal analisis dan penilaian sumber tanah.
- c. Merancang dan mengurus perbelanjaan peruntukan mengurus dan pembangunan unit.
- d. Menyedia dan / atau menyemak peta tanah, peta guna tanah dan peta terbitan lain yang berkaitan dengan tanah.
- e. Menginterpretasi data analisis makmal untuk pengesyoran pembajaan dan pengurusan nutrien tanaman.
- f. Memberi latihan teknikal pengurusan dan pemuliharaan sumber tanah kepada pegawai pengembangan di jabatan dan agensi lain.
- g. Memberi khidmat perundingan kesesuaian tanah-tanaman, pengurusan kesuburan dan pemuliharaan tanah, penilaian data tanah serta guna tanah geospasial.
- h. Menjalankan pemeriksaan dan / atau mengesahkan laporan tapak di ladang bagi pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM).
- i. Menyelaraskan dan memantau aktiviti pemprosesan dan interpretasi imej satelit (raw image) termasuklah 'georeferencing', 'subsetting', 'enhancement' dan 'mosaicking' imej.
- j. Melaksana dan menyemak penyeragaman klasifikasi tanah Malaysia dan antarabangsa seperti Soil Taxonomy dan FAO-Legend.
- k. Mengawal keselamatan dan menyelaraskan kerja-kerja pengemaskinian maklumat berkaitan sumber tanah dan guna tanah.

- I. Menyelaras, mengumpul dan mengemaskini norma DRIS tanaman di semua negeri.

4.2.5 Bidang Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan

- a. Melaksana aktiviti pengawasan perosak meliputi data perosak, menganalisis data dan membuat ramalan serangan perosak dan seterusnya merancang kawalan perosak dan pembangunan teknologi kawalan.
- b. Melawat ladang untuk diagnostik perosak atau kenal pasti penyakit tanaman dan mengenal pasti perosak di makmal apabila perlu dan mengesyor cara kawalan serta membangun *Host Pest List*.
- c. Mengetahui pasti perosak yang dikumpul untuk disimpan dan dipamer di bilik pameran dan menyediakan bahan rujukan bagi setiap perosak untuk rujukan pengguna.
- d. Menyediakan syarat-syarat pengimportan, meneliti dan mengesahkan arahan-arahan dalam Sijil Fitosanitasi, lesen eksport dan Sijil CITES sebelum ia dikeluarkan atau diterima pakai oleh negara dalam perdagangan hasil/ bahan pertanian.
- e. Menyelia penguatkuasaan Akta Kuarantin Tumbuhan di pintu-pintu masuk dan kawasan yang dikuarantin serta menangani kes-kes rayuan yang melanggar akta.

4.2.6 Bidang Kawalan Racun Perosak

- a. Membuat semakan ke atas permohonan baru dan semularacun perosak bagi menentukan sama ada permohonan memerlukan maklumat tambahan ataupun boleh diluluskan.
- b. Mengumpul dan menyemak data-data residu racun perosak yang telah didaftarkan dan menyediakan draf cadangan nilai Had Maksimum Sisabaki (MRL) racun perosak dalam berbagai komoditi tanaman.
- c. Membuat pengiraan dan penilaian kesan dedahan racun perosak melalui diet terhadap pengguna bagi setiap cadangan nilai MRL racun perosak.
- d. Membuat penilaian dari segi perumusan dan kualiti racun perosak/ residu bagi permohonan pendaftaran/ pendaftaran semula racun perosak untuk kegunaan pertanian, rumah tangga, kesihatan awam dan perindustrian.

- e. Meneliti, menyemak dan mengesahkan keputusan analisis yang disediakan oleh penganalisis.
- f. Menilai dan menyemak lakaran label racun perosak pruf pencetak dan label untuk tujuan pendaftaran baru dan pendaftaran semula.
- g. Mengatur selia pelaksanaan ujian kemujaraban racun perosak dan urusan penyelenggaraan insektori dan kerja- kerja pembiakan serangga ujian (*test insects*) untuk tujuan verifikasi di makmal.
- h. Menyelaras permohonan lesen pengendali kawalan makhluk perosak, pemakai dan pembantu pemakai racun makhluk perosak.
- i. Menjalankan pemeriksaan/ penyiasatan atau serbuan serta mengambil contoh racun makhluk perosak di premis dan kilang racun makhluk perosak serta mengambil contoh pasaran racun makhluk perosak dan pendakwa.
- j. Menyelaras dan menjalankan pemeriksaan ke ladang- ladang.

4.2.7 Bidang Kejuruteraan Pertanian

- a. Mengurus aktiviti demonstrasi dan pameran jentera/ mesin/ alat pertanian.
- b. Menyelaras perkhidmatan logistik kenderaan dan jentera pertanian di negeri meliputi perolehan atau pembelian, pengagihan, pengguna, penyelenggaraan, pembaikan dan pelupusannya.
- c. Menyelaras aktiviti pengubahsuaian, fabrikasi, pengujian demonstrasi dan pameran mesin/ jentera/ alat pertanian yang berkaitan dengan bidang tugas.
- d. Menyedia/ meneliti semua lukisan/ pelan reka bentuk mesin/ jentera/ alat pertanian yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan tuai/ pasca tuai/ pemprosesan.
- e. Mengurus kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan peralatan mesin di dalam loji-loji Benih Padi Jabatan Pertanian di seluruh Semenanjung Malaysia.
- f. Mengurus aktiviti perancangan, reka bentuk dan penentuan teknikal bagi urusan tender dan sebut harga yang berkaitan dengan pembekalan dan kontrak kerja kejuruteraan tuai/ pasca tuai/ pemprosesan/ kejuruteraan air.

4.2.8 Bidang Kawalan Kualiti Tanaman

- a. Membantu mengurus, melaksana dan memantau serta aktiviti Promosi SALM dan SOM.
- b. Menyelaras pembangunan dan pemantauan piawaian pensijilan SLAM dan SOM.
- c. Menyelaras laporan Ujian (*Distinctness, Uniformity, Stability*) DUS Tanaman dan penyesyoran kepada Lembaga *Variety* Tanaman.
- d. Menyediakan pelan pembangunan, skop, elemen dan struktur dalam pembentukan prosedur, peraturan, penanda aras dan piawaian bagi pengesahan kualiti benih tanaman.
- e. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Skim Pengesahan Benih Tanaman

4.2.9 Bidang Perancangan Projek, Pengurusan Maklumat dan Komunikasi

- a. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan makro bagi pembangunan subsektor tanaman serta ulasan mengenai aplikasi dasar- dasar kerajaan terhadap pembangunan sektor pertanian.
- b. Menyediakan dan menyemak dokumen, kertas, garis panduan, nota penerangan dan maklumbalas mengenai dasar, strategi, pendekatan dan program / projek Jabatan Pertanian.
- c. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan projek tahunan pembangunan pertanian peringkat persekutuan.
- d. Menyediakan dan menyemak input jawapan dan maklumat tambahan bagi pertanyaan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- e. Menyediakan dan menyemak dokumen pelaksanaan Penilaian *Star Rating* Jabatan Pertanian.
- f. Menyediakan dan menyemak maklumat pembangunan tanah untuk Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dibawah Jabatan Pertanian dan tanah negeri.
- g. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan pembangunan tanah terbiar
- h. Menyediakan dan menyemak maklumat penglibatan Jabatan Pertanian di dalam aktiviti antarabangsa.

- i. Menyediakan dan menyemak maklumat dan prestasi laporan pelaksanaan program/ projek terlibat.
- j. Menyediakan dan menyemak maklumat pemantauan program / projek Jabatan.
- k. Menyediakan dan menyemak maklumat perancangan dan pelaksanaan kajian-kajian penilaian keberkesanan program / projek Jabatan serta mengesyorkan tindakan penambahbaikan program / projek tersebut
- l. Menyediakan dan menyemak maklumat pelaksanaan infrastruktur teknologi maklumat serta menyelia perolehan dan penyelenggaraan peralatan komputer Jabatan Pertanian.
- m. Menyediakan dan menyemak maklumat Laman Web dan Laman Agribazaar Jabatan Pertanian.
- n. Menyediakan dan menyemak maklumat pembangunan dan penyelenggaraan aplikasi sistem maklumat dan pangkalan data Jabatan Pertanian.
- o. Menyediakan dan menyemak maklumat pengumpulan data/ maklumat subsektor tanaman makanan.
- p. Menyediakan dan menyemak maklumat pelaksanaan program-program perhubungan awam dan publisiti secara sistematik.

4.2.10 Bidang Pembangunan Sumber Manusia

- a. Melaksana latihan/ seminar yang dijalankan secara kerjasama dengan Organisasi Antarabangsa.
- b. Melaksana program latihan pegawai di dalam/ luar negara.
- c. Melaksana dan memproses permohonan melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, ijazah, ijazah lanjutan dan PhD sepenuh masa dan separuh masa.
- d. Melaksana menambah baik dan menyemak skim perkhidmatan pertanian (klasifikasi G).
- e. Melaksana Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreativiti(KIK).
- f. Melaksana program latihan sangkutan pegawai di syarikat swasta dalam dan luar negara.
- g. Melaksana pelaksanaan program AKRAB Jabatan.

- h. Merancang dan mengurus pangkalan data pelajar Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (IPSM) dan membuat analisis maklumat peserta program inkubator usahawan tani.
- i. Menyelaras pengambilan dan penempatan pelajar Institut Pertanian, penawaran biasiswa, penguatkuasaan peraturan tatatertib, konvokesyen dan pengesanan kerjaya selepas kursus
- j. Mengurus dan melaksana program dan kemudahan latihan di Pusat Latihan Pegawai.
- k. Mengurus aktiviti hal ehwal pelajar Institut Pertanian Semenanjung Malaysia (IPSM), kemudahan penginapan/ladang dan kawasan Institut Pertanian.
- l. Merancang dan melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar di Pusat Latihan Pegawai/Institut Pertanian.
- m. Menganalisis laporan latihan pegawai Jabatan Pertanian melalui sistem maklumat peribadi pegawai (HRMIS/SISPEN).
- n. Menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar di Pusat Latihan Pegawai/Institut Pertanian.
- o. Mengurus aktiviti pengambilan, penempatan dan pembayaran biasiswa pelajar Institut Pertanian dan pelatih Inkubator Usahawan Belia Tani.
- p. Mengurus perolehan aset alih dan aset hidup kerajaan.
- q. Menyelaras latihan induksi, kursus penilaian tahap kecekapan (PTK) dan persidangan/seminar bagi kakitangan Jabatan Pertanian.

4.3 Pegawai Pertanian Gred G12

4.3.1 Bidang Pengembangan, Perundingan, Pelaburan dan Industri Asas Tani

- a. Perancangan, pelaksanaan, pemantauan fizikal dan belanjawan Program Pengembangan, Pelaburan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- b. Menyelia dan menyelaras pelaksanaan Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.

- c. Menyediakan laporan prestasi fizikal dan kewangan serta impak pelaksanaan Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- d. Merancang dan menyelaraskan penerbitan media pengembangan untuk Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- e. Menyelaraskan penyediaan modul-modul latihan dalam bidang keusahawanan dan teknikal pertanian Program Pengembangan, Pelaburan dan Pembangunan Industri Asas Tani.
- f. Merancang dan mengurus pengumpulan maklumat Program Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.
- g. Menjadi pakar rujuk dan memberi khidmat kepakaran teknikal (*Subject Mater Specialist*) dalam bidang Pengembangan, Perundingan dan Pembangunan Industri Asas Tani di peringkat unit/ negeri/ daerah.

4.3.2 Bidang Hortikultur

- a. Membantu menyelaraskan, melaksanakan dan memantau program petak pemerhatian dan promosi teknologi buah-buahan, sayuran dan tanaman ladang di semua negeri.
- b. Menyelaraskan, melaksanakan dan memantau program pengeluaran, pengesahan dan pengagihan benih buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang di pusat pembangunan komoditi.
- c. Menyelaraskan, mengesahkan dan menilai program pengeluaran, pengesahan dan pengagihan benih sayur-sayuran dan tanaman ladang di semua pusat pembangunan komoditi.
- d. Melaksanakan program penyelenggaraan dan penambahan koleksi tumbuhan di pusat *repository* dan aboratum di pusat pembangunan komoditi.
- e. Memberi khidmat nasihat kepakaran, perundingan dan kursus bagi pembangunan teknologi tanaman mengikut bidang kepakaran.
- f. Menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program pemasaran hasil pertanian dari projek kelompok di negeri.

4.3.3 Bidang Padi, Tanaman Industri dan Florikultur

- a. Mengurus perbelanjaan program pembangunan industri tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.
- b. Mengurus keperluan perkhidmatan kakitangan pejabat/ Pusat Pembangunan/ Pusat Kecemerlangan/ Stesen.
- c. Mengurus pentadbiran pejabat/ Pusat Pembangunan/ Pusat Kecemerlangan/ Stesen.
- d. Menyelaras dan melaksana projek promosi teknologi dan pemerhatian padi, tanaman industri dan florikultur di stesen.
- e. Menyelaras dan memantau pelaksanaan skim pengesahan benih padi serta pengeluaran bahan tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu).
- f. Merancang dan melaksana program pembangunan Stesen Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur.
- g. Merancang dan menyelaras pembangunan serta aktiviti makmal analisis kualiti benih tanaman.
- h. Menyelaras dan menyelia penyediaan pakej teknologi bagi tanaman padi, tanaman industri dan pelbagai (seperti kelapa, kopi, cendawan, herba, rempah-ratus dan lain-lain termasuk lebah madu) dan florikultur.
- i. Menyemak dan mengesahkan laporan kemajuan program dan aktiviti petak pemerhatian dan promosi di Stesen Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur.
- j. Menjadi pakar rujuk dan memberi khidmat kepakaran teknikal serta khidmat perundingan dalam bidang teknologi tanaman kepada pegawai-pegawai dan pengusaha- pengusaha mengikut bidang kepakaran.

4.3.4 Bidang Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah

- a. Merancang, menyelaras dan melaksana program seksyen siasatan tanah, guna tanah, kesuburan tanah, pemuliharaan tanah dan penilaian sumber tanah di Ibu Pejabat/ Unit Negeri.
- b. Merancang dan mengurus perbelanjaan peruntukan mengurus dan pembangunan unit.

- c. Menyemak dan melulus pengeluaran peta tanah, peta guna tanah dan peta terbitan lain yang berkaitan dengan tanah.
- d. Memantau dan menilai data analisis makmal untuk pengelasan tanah, pengesyoran pembajaan dan pengurusan nutrien tanaman.
- e. Memberi latihan kepakaran teknikal kepada pegawai-pegawai jabatan dan agensi lain.
- f. Memberi dan memantau pelaksanaan khidmat perundingan kesesuaian tanah-tanaman, pengurusan kesuburan dan pemuliharaan tanah, penilaian data tanah serta guna tanah geospatial.
- g. Menilai dan mengemaskini laporan pemeriksaan tapak bagi pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Organik Malaysia (SOM).
- h. Memantau program dan aktiviti pemprosesan dan interpretasi imej satelit (raw image) termasuklah 'georeferencing', 'subsetting', 'enhancement' dan 'mosaicking' imej.
- i. Melaksana dan menyemak penyeragaman klasifikasi tanah Malaysia dan antarabangsa seperti Soil Taxonomy dan FAO-Legend.
- j. Penulisan kertas-kertas teknikal berkaitan sumber dan pemuliharaan tanah.
- k. Menyelaraskan kerja-kerja pemetaan dan penawanan data spatial, pengurusan pangkalan data dan keselamatan data serta 'repository'.

4.3.5 Bidang Perlindungan Tanaman dan Kuarantin Tumbuhan

- a. Melaksana dan menyelaraskan aktiviti pengawasan dan ramalan perosak tanaman, kawalan serangga perosak, pengurusan perosak bersepadu, pembangunan dan penyesuaian teknologi dan pengurusan berfaedah.
- b. Melaksana aktiviti pembangunan Pusat Koleksi Nasional bagi mengumpul bahan rujukan dan spesimen perosak tanaman dalam negeri dan yang dipintas di pintu-pintu masuk sebagai bahan rujukan antarabangsa dan menyediakan program *National Pest Network*.
- c. Menyedia dan melaksana program pengenalanpastian perosak tanaman dan pengenalan simptom penyakit tanaman melalui

khidmat diagnostik tanaman dan kepakaran serta menyediakan pakej kawalan perosak.

- d. Mengendali isu-isu notifikasi perdagangan, ulasan dan pendirian negara dalam mesyuarat IPPC dan APPC, menyemak Draf Standard Antarabangsa termasuk ISPM dan menyediakan aktiviti penyediaan *Host Pest List* dan analisis risiko perosak.
- e. Menyediakan dan mengawas pemeriksaan premis bagi pengeluaran Sijil Fitosanitasi, Skim MPCA, penyaringan perosak di stesen PEQ (Kuarantin Selepas Masuk) dan pemeriksaan konsainan di pintu-pintu masuk negara.

4.3.6 Bidang Kawalan Racun Perosak

- a. Merancang dan menyelaras program aktiviti penguatkuasaan undang-undang.
- b. Merancang dan menyelaras perjalanan penyiasatan premis dan kilang racun makhluk perosak/ jualan racun.
- c. Bertanggungjawab meneliti kes-kes, penyiasatan dan menyelaras kes-kes siasatan bagi pendaftaran di mahkamah dan aktiviti pendakwaan.
- d. Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pelupusan barang-barang rampasan bagi kes-kes yang telah selesai didakwa.
- e. Merancang, menyelaras, menyemak, menilai permohonan baru dan semula pelesenan racun makhluk perosak/ lesen permit import/ lesen iklan.
- f. Merancang dan menyelaras pemeriksaan untuk pemakai dan pembantu pemakai racun makhluk perosak serta merancang dan menyelaras kursus untuk pemegang lesen menjual dan menyimpan racun makhluk perosak.
- g. Menjalankan pemeriksaan ladang-ladang yang memohon untuk Pensijilan SALM selaku Pegawai Audit.
- h. Memberi input teknikal dan bertanggungjawab bagi menyediakan draf peraturan/ garis panduan baru ataupun draf pindaan dari aspek perumusan dan kualiti perosak yang diperlukan oleh Lembaga Racun Perosak.
- i. Membuat penilaian kemujaraban/ toksikologi/ ekotoksikologi/ *enviromental fate*/ residu racun perosak yang dikemukakan untuk pendaftaran (baru dan semula).

- j. Penyemakan maklumat dan menilai tambahan pengesyoran pada label racun perosak terutama sekali lagi dari segi keselamatan penggunaan dan menentukan supaya kenyataan-kenyataan berkaitan adalah betul dan mencukupi untuk pengetahuan penggunaan.
- k. Pengesanan, pengumpulan dan penilaian maklumat kes keracunan racun perosak yang diterima melalui sistem pelaporan jabatan.
- l. Menentu, merangka serta mengemaskini Piawaian Racun Perosak Seisi Rumah dan penilaian permit mengimport racun perosak tidak berdaftar.
